



08 DEC, 2025

SK Gelang Terusan anjur program kesedaran tenaga elektrik

Berita Harian, Malaysia



SK Gelang Terusan anjur program kesedaran tenaga elektrik

Jejebu: Program Adiwira Tenaga Masa Hadapan antara pengisian dianjurkan Sekolah Kebangsaan (SK) Gelang Terusan sebelum sesi persekolahan 2025 menutup tirai.

Guru besarnya, Kamarul Azizi

Dolah, berkata program dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) Negeri Sembilan itu disertai 140 murid.

Katanya, pelbagai segmen diadakan bagi memberi penerangan kepada murid mengenai te-

naga elektrik.

“Murid didedahkan bagaimana sumber dan proses penajaan tenaga elektrik berlaku selain kepentingan tenaga dan tips penjimatan tenaga.

“Tips keselamatan elektrik dan rumah cekap tenaga turut disampaikan murid menggunakan kaedah interaktif sekali gus berjaya menarik minat murid,” katanya.

Kamarul berkata, murid juga turut didedahkan dengan penggunaan kenderaan elektrik (EV) yang digunakan TNB.

Tambahnya, program dianjurkan mampu mendidik murid mengenai tenaga elektrik dan menerusi program murid wajar didedahkan cara penggunaan peralatan elektrik yang betul bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.



Murid SK Gelang Terusan pada program Adiwira Tenaga Masa Hadapan.